

Akhbar : Malaysia Nanban
Tarikh : 21 Julai 2020
Muka surat : 14

Tajuk : Mencerobohkan kuil yang dibina pada zaman dahulu dengan alasan pelan pembangunan merupakan kegiatan yang boleh menghilangkan lambang sejarah silam.

Ringkasan : Isu pencerobohan Kuil Sri Maduraiveeran, Alor Setar yang berusia 70 tahun, yang dilakukan oleh pegawai kerajaan pada tengah malam secara senyap-senyap belum lagi lenyap, malah satu lagi kuil yang berusia lebih 100 tahun di Seksyen 11, Shah Alam ditargetkan untuk alih. Peristiwa yang berlaku pada tahun 2007 di Padang Jawa, Selangor merupakan salah satu perkara yang menghilangkan harapan masyarakat terhadap kerajaan. Pada tahun 2018, satu lagi isu muncul di Kuil Sri Maha Mariamman, Seafield Shah Alam, yang telah menjelaskan keharmonian antara masyarakat. Prof Tajuddin telah mengkongsikan pendapatnya di web akhbar *My Sin Chew* pada 15 Julai 2020, dengan bertajuk '*Democracy and a shrine in Kedah*'. Menurut beliau, kegiatan mencerobohkan rumah ibadat mencerminkan sifat mereka yang tidak menghormati ketenteraman agama dan sejarah masyarakat orang lain. Beliau juga mengatakan rumah-rumah ibadat kecil ini dibina pada zaman dahulu untuk menjamin keselamatan di kawasan kediaman dan tempat pekerjaan masyarakat. Pencerobohan terhadap kuil-kuil boleh menjadi punca kehilangan lambang sejarah tradisional sesebuah kaum. Jika tiada langkah selain daripada mengalihkan rumah ibadat tersebut, mungkin boleh memberi kesempatan kepada masyarakat itu sendiri untuk mengalihkannya sebagai tanda menghormati adat istiadat mereka. Ia juga merupakan satu sifat kemanusiaan. Beliau berkata, jika kita hendak orang lain untuk menghormati pegangan agama kita, maka kita pun buat sedemikian terhadap mereka.